

"Hari ini (semalam) baru saya berpeluang balik ke Ipoh kerana sibuk dengan pelbagai program di ibu negara
Jun Hoong



HARIAN METRO

FOTO: YAHYA ZAIN



AHLI keluarga gembira bertema Jun Hoong selepas pulang dari misi Rio.



JUN Hoong disambut keluarga setibanya di Stesen Keretapi Ipoh, semalam.

Jun Hoong lepas rindu

■ Penerjun negara hampir setahun tidak pulang ke kampung halaman

Muhammad Apendy Issahak
apendy@hmetro.com.my

Ipoh

Selepas hampir setahun tidak pulang ke kampung halaman kerana persiapan dan latihan menghadapi Sukan Olimpik Rio 2016, akhirnya penerjun negara Cheong Jun Hoong yang juga pemenang pingat perak di temasya sukan terbesar dunia itu dapat meluangkan masa bersama keluarga apabila tiba di sini semalam.

Keputulangnya menaiki Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) disambut meriah oleh ibu bapanya Cheong Sun

Meng, 54, dan Leow Lai Kun, 50, serta ahli keluarga dan rakan di Stesen Keretapi Ipoh, di sini kira-kira jam 1 tengah hari semalam.

Jun Hoong, 26, berkata, dia teruja dapat pulang ke Ipoh dan menggunakan peluang cuti pendek yang ada untuk menghabiskan masa bersama keluarga dan rakan serta berkongsi pengalaman manisnya di Olimpik Rio.

"Selepas pulang ke tanah air 24 Ogos lalu, hari ini baru saya berpeluang balik ke Ipoh kerana sibuk dengan pelbagai program di ibu negara termasuk temu bual mengenai kejayaan saya dan hari ini rasa sangat teruja serta tidak sangka kepula-

ngan saya di sini juga disambut meriah oleh keluarga dan rakan.

"Saya akan cuba habiskan masa bersama keluarga dan rakan sebaik mungkin kerana akan pulang ke Kuala Lumpur Ahad ini untuk melaporkan diri ke Sekolah Sukan Bukit Jalil dan memulakan latihan pada Isnin depan," katanya.

Menurutnya, antara aktiviti lain yang akan dilakukan ketika berada di sini sepanjang tempoh berehat ini adalah ingin mencuba pelbagai makanan yang terkenal di bandar raya ini.

"Paling saya ingin makan adalah masakan ibu dan saya akan cuba makan semua

yang terfikir ingin makan ikut berapa banyak perut saya mampu terima," katanya.

Jun Hoong berkata, dia juga dijemput berkongsi pengalaman dan kejayaan yang dikecapi dengan pelajar di bekas sekolah rendahnya di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Yuk Choi di sini hari ini.

Ditanya apa perancangannya selepas Olimpik, Jun Hoong berkata, dia merancang menyertai Kejohanan Renang Asia ke-10 di Tokyo, Jepun pada November depan.

"Tidak pasti lagi acara apa yang akan saya sertai pada kejohanan itu, terpulang pada latihan serta jurulatih," katanya.